

Bercakap dengan

39/40

Daripada SUHAIMI MOKHTAR

JOHANNESBURG (Afrika Selatan) 10 Nov. — Malaysia membuat saranan supaya negara-negara anggota Komanwel mencapai kesepakatan dan bercakap dengan satu suara mengenai globalisasi terutama di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya yang dibacakan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Komanwel sebagai satu segmen perwakilan dunia terlebih dahulu sewajarnya membuat interpretasi sendiri mengenai globalisasi.

Ucapan bertajuk *Menjadikan Globalisasi Berperanan: Langkah Menggalakkan Pengaliran Perdagangan dan Pelaburan Komanwel* disampaikan pada Forum Perniagaan Komanwel di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, dalam soal globalisasi negara anggota Komanwel dan negara lain juga perlu menjamin mereka tidak menderita disebabkan suara individu yang tidak diberi kepentingan dan layanan dalam WTO.


Beliau yang membuat keputusan di saat-saat akhir untuk tidak menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) menegaskan, negara Komanwel banyak mempunyai persamaan dari segi sejarah, undang-undang dan sistem kerajaan.

Dengan itu beliau berharap negara-negara Komanwel mempunyai persepsi yang lebih kurang sama, boleh mencerna pemikiran sendiri dan bertindak bersama secara berkumpulan.

Kata Perdana Menteri, dengan pengaruh agak besar yang dimiliki, negara-negara Komanwel sentiasa menjadi tenaga yang bekerja untuk kebaikan.

Beliau berkata, negara-negara Komanwel patut merangka aturan dan peraturan untuk pengaliran modal supaya wujud kestabilan ekonomi, bukan kekacauan.

Menurutnya, perdagangan bebas tidak bererti tanpa ketentuan dan kacau-bilau.



CHOGM 1999

DURBAN, AFRIKA SELATAN

“Kita perlu memikirkan semula tentang globalisasi dan menginterpretasikannya. Jika globalisasi baik untuk dunia, ia mesti memberi faedah kepada semua, tetapi sebenarnya ia tidak memberi kebaikan kepada setiap orang bahkan ia menyakitkan banyak pihak,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berpendapat bahawa globalisasi mungkin satu idea yang sudah tiba masanya, tetapi ia tidak bererti segala yang dicadangkan mesti dipersetujui.

“Kita mesti menjamin ia untuk kebaikan kita secara individu, secara berkumpulan sebelum kita menerimanya. Antara kita sudah berpengalaman tentang pengaliran modal bebas secara global.

“Kita mendapat faedah tetapi kita juga menderita apabila disalah guna. Pengalaman kita mesti digunakan untuk merangka dan membaiki idea globalisasi bagi mengurangkan salahguna dan membantu merealisasikan kebaikan yang dijanjikan daripada globalisasi,” katanya.

Menurut beliau, sepatutnya tidak wujud perjudian dan spekulasi berlebihan kerana semata-mata perdagangan bebas membenarkannya. Jika beberapa peraturan patut diadakan untuk faedah semua pihak, tidak ada sebab ia tidak boleh diadakan.

Tambahnya, perdagangan telah memberi faedah besar kepada dunia tetapi perdagangan mata wang 20 kali ganda lebih besar daripada perdagangan dunia.

Katanya, apa yang dapat kita lihat, dunia tidak 20 kali ganda lebih kaya, bahkan dunia menjadi lebih miskin.

satu suara — PM

UM 11 NOV 1999

“Benarlah beberapa orang pedagang mata wang dan bank menjadi lebih kaya, tetapi perdagangan bukan untuk menjadikan beberapa orang sangat kaya, ia adalah cara-cara untuk membekalkan keperluan dan permintaan.

“Inilah asasnya dan apabila perdagangan disalahgunakan ia membawa malapetaka bersamanya dan kerana itu kita perlu kembali kepada asas,” tambah beliau.

Menurut Dr. Mahathir, jika Komanwel mahu melihat perdagangan dan pengaliran pelaburan membawa bersamanya kemajuan dalam dunia yang global, maka Komanwel mesti bersedia untuk mencabar kebijaksanaan yang *conventional* dengan mencadangkan aturan dan peraturan menjadikan perdagangan bebas yang melahirkan kekayaan dan bukan memusnahkannya.

Katanya, globalisasi dan dunia tanpa sempadan jelas ada baik dan buruknya.

Di samping ia boleh mengkayakan yang miskin, ia juga boleh melemahkan, bahkan menghancurkan ekonomi negara-negara dan serantau.

Globalisasi, tambahnya, ialah konsep ciptaan manusia dan kerana itu ia tidak sempurna. Ia boleh membawa banyak kebaikan tetapi juga boleh disalahgunakan sehingga membawa kepada akhir yang sangat tragik.

“Globalisasi tidak boleh dianuti sepenuhnya semata-mata kerana ia membolehkan pergerakan modal dan perdagangan secara bebas kerana pergerakan bebas secara sendiri tidak membawa faedah.

“Ini kerana kemasukan modal boleh melahirkan kekayaan tetapi pengaliran keluar modal khususnya pengaliran keluar yang cepat boleh membawa malapetaka ekonomi dan kewangan,” tambahnya.

Dr. Mahathir yang pemikirannya tentang kewangan dan ekonomi mula diterima pakai menyatakan sebagai sistem ciptaan manusia, kebaikan hanya akan tercapai jika sistem itu difahami dan diuruskan sebaik-baiknya.

Menurut beliau, ini kerana sering terdapat anasir penyangak dalam masyarakat manusia dan mereka sen-

tiasa menyalah guna sistem bagi mencapai pulangan sebanyak-banyaknya sama ada ekonomi, sosial dan politik.

Katanya lagi, bagi meminimumkan salah guna, semua sistem mesti mempunyai peraturan, tetapi malangnya negara-negara perdagangan besar menghendaki globalisasi berjalan sepenuhnya tanpa sebarang halangan.

“Mereka percaya pasaran akan membetulkan dengan sendirinya. Ini mereka panggil disiplin pasaran. Sebenarnya mereka percaya pasaran sewajarnya mendisiplinkan kerajaan, memaksa kerajaan menjadi lebih telus dan kurang rasuah,” kata Perdana Menteri.

Selaras dengan itu, negara kaya juga mencipta padang permainan sama rata untuk mewujudkan persaingan adil tetapi kerana padang yang sama rata, ia tidak mampu mencapai keadilan dan persamaan. Pemain di padang juga sepatutnya sama sepadan.

“Dalam sukan pemberian handicap adalah biasa kerana diketahui ada di kalangan peserta yang kekurangan. Bahkan biasa dalam sukan, pasukan disandarkan kepada kedudukan, usia dan saiz.

Dunia yang global, katanya, tidak memberi erti kecuali ia mengkaya dan memberi persamaan kepada dunia. Dunia tanpa sempadan dan pengaliran modal secara bebas di samping akan mengkayakan negara kaya, ia sewajarnya menyumbang ke arah mempercepat dan persamaan pertumbuhan negara miskin.

“Ia mesti mengkayakan dunia. Ia bukan globalisasi, dunia tanpa sempadan atau pengaliran modal bebas yang penting tetapi ia apa yang boleh dilakukan kepada perdagangan dunia, kepada pertumbuhan ekonomi dan kepada menghapuskan kemiskinan di dunia. Itu yang lebih penting.

“Jika ini boleh dicapai, kita sewajarnya mengalukan segala idea dan konsep globalisasi ini. Jika tidak, jika ia membawa penderitaan kepada yang telah menderita, maka ia hendaklah ditolak,” tambahnya. — *Utusan*.